

230

NO.SOALAN : 389

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN

Dato' Seri Mohamed Amin bin Ali [GOMBAK] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyemak semula kadar tarif asas elektrik memandangkan kenaikan harga bahan api utama, kos operasi TNB dan kos pembangunan infrastruktur bekalan elektrik di Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tarif elektrik bagi pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung ditentukan berdasarkan kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen tarif asas dan komponen *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin. Tarif asas mengambil kira harga asas bahan api utama seperti arang batu, gas asli berpaip serta gas asli cecair, kos pembangunan (CAPEX) dan operasi (OPEX) serta kadar keuntungan yang dibenarkan kepada pihak utiliti. Manakala komponen ICPT pula membolehkan semua kos bahan api dan penjanaan elektrik disemak setiap enam bulan untuk memastikan pengguna membayar kos bahan api mengikut harga pasaran semasa.
2. Tempoh pertama IBR adalah pada 2014 hingga 2017 yang mana tarif asas ditetapkan pada 38.53 sen/kWj. Pada masa ini, pihak Kerajaan sedang meneliti kadar tarif elektrik asas untuk tempoh

232

kedua IBR yang akan bermula pada bulan Januari 2018 hingga Disember 2020. Kerajaan bersama-sama Suruhanjaya Tenaga akan menimbang pelbagai faktor dalam menentukan kadar tarif asas elektrik untuk tempoh kedua ini antaranya ialah unjuran harga bahan api dan kos penjanaan, kadar tukaran wang asing, inflasi dan kos perbelanjaan infrastruktur dan operasi syarikat utiliti. Kadar tarif elektrik asas bagi tahun 2018 hingga 2020 dijangka akan diumumkan pada bulan Disember 2017.

Sekian, terima kasih
